

ورتا فئرغن

Warta Penerangan



JUN 2016





Dengan Ingatan Tulus Ikhlas
Daripada
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri.



Terbitan Bahagian Pengurusan
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”

Sidang Redaksi

Penasihat
Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras & Penyemak
Salwa binti Haji Ghazali
Nur Asrina binti Idris
Norafiqah binti Haji Murni

Sumber Berita & Fotografi
PELITA BRUNEI dan
pegawai dan kakitangan
Jabatan Penerangan



WARTA Penerangan merupakan sebuah surat majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Bahagian Pengurusan, Tingkat 5, Bangunan Tambahan Baru Jabatan Penerangan.

Isi Kandungan

Muka

Aimi Iffah Radhiah juara Kuiz ASEAN	5-7
Semai sikap perpaduan bersama masyarakat	8
Program Ramadan Penerangan di Daerah Temburong	9
Awasi golongan muda dari pengaruh dadah	10
Jaga imej baik, pelihara bendera kebangsaan	11
Serap penghayatan lagu kebangsaan bendera negara dalam diri pelajar	12
Program RRP sasarkan remaja	13-14
JPM Bertadurus di Masjid Kampung Pulaie	15
Pupuk penghayatan lagu kebangsaan dan bendera negara	16-17
Raptai Pertandingan Kuiz ASEAN	18-19
Penerima-penerima pingat bagi kakitangan Jabatan Penerangan	20
Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai kursus / bengkel / program pada bulan Jun 2016	21-23
Kakitangan yang menamatkan perkhidmatan (bersara)	23

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

Aimi Iffah Radhiah juarai Kuiz ASEAN

Oleh: Aimi Sani

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit & Muhammad Asri Haji Awang Abas



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Profesor Madya Dr. Haji Azman bin Ahmad menyampaikan hadiah kepada johan, Aimi Iffah Radhiah binti Abdullah Zulhilmi dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Jun. – Aimi Iffah Radhiah binti Abdullah Zulhilmi dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS) dinobatkan sebagai johan selepas mengalahkan sembilan pelajar yang lain pada Pertandingan Kuiz ASEAN Peringkat Negara Kali Ke-7, 2016 yang diadakan di Dewan Raya Radio dan Televisyen Brunei (RTB) di ibu negara.

Menduduki tempat kedua ialah Nurul Hidayatul Najibah binti Haji Maiddin dari Sekolah St. Andrew, sementara Siti Hamizah binti Haji Nordin yang mewakili Sekolah Menengah Sayyidina Husain meraih tempat ketiga.

Johan pertandingan menerima piala dan wang tunai sebanyak BND400, manakala tempat kedua dan ketiga masing-masing menerima wang tunai sejumlah BND300 dan BND200 berserta piala.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada pemenang ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Profesor Madya Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Terdahulu Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Penganjur Pertandingan Kuiz ASEAN 2016 antara lain berkata, Kuiz ASEAN ini adalah projek dwitahunan Jawatankuasa ASEAN Mengenai Kebudayaan dan Penerangan ASEAN-COCI dan merupakan satu pertandingan berdasarkan pengetahuan mengenai ASEAN dan negara anggotanya dengan disertai oleh pelajar-pelajar sekolah tinggi yang cemerlang dalam kalangan sepuluh negara anggota ASEAN.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Penganjur Pertandingan Kuiz ASEAN 2016, menyampaikan ucapannya pada majlis tersebut.



HADIR selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Profesor Madya Dr. Haji Azman bin Ahmad.



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Profesor Madya Dr. Haji Azman bin Ahmad menyampaikan hadiah kepada pemenang tempat ketiga, Siti Hamizah binti Haji Nordin dari Sekolah Menengah Sayyidina Husain.



ANTARA penonton yang hadir menyaksikan Pertandingan Kuiz ASEAN termasuk pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah dan maktab-maktab di negara ini.

Menurut beliau, Kuiz ASEAN ini telah terbukti menjadi platform yang berkesan untuk mempromosikan ASEAN berdasarkan penyertaan pelajar dari sepuluh negara anggota ASEAN yang mana pada tahun ini, Republik Demokratik Rakyat Lao akan menjadi tuan rumah bagi Kuiz ASEAN Serantau Kali Ke-7.

Projek Kuiz ASEAN ini merupakan salah satu cara bagi membarigakan maklumat mengenai ASEAN kepada penuntut sekolah di samping penglibatan remaja dalam kegiatan ASEAN ini sebagai salah satu cara untuk membentuk generasi pelapis bagi mewarnai corak peradaban bangsa.

Pada masa yang sama, ia juga memberi peluang untuk bersaing dengan lebih kompetitif dan sihat yang dapat melahirkan sifat lebih proaktif dan efisien dalam menjalankan setiap tugas.

Projek di bawah ASEAN-COCI ini dikendalikan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Ko-kurikulum, Kementerian Pendidikan.

Kuiz ASEAN Peringkat Serantau buat pertama kalinya diadakan pada tahun 2002 di Thailand.



SEBAHAGIAN dari peserta dalam Pertandingan Kuiz ASEAN Peringkat Negara Kali Ke-7, 2016.



DI ANTARA pemenang dalam Pertandingan Kuiz ASEAN Peringkat Negara Kali Ke -7, 2016 bersama Pengerusi acara dan tetamu-tetamu kehormat yang hadir.

Semai sikap perpaduan bersama masyarakat

Oleh: Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menyampaikan sumbangan derma bagi anak-anak yatim sekitar Kawasan 4, RPN Lambak Kanan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Jun. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hubungan Masyarakat telah mengadakan Program Ramadan Penerangan bertempat di Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lambak Kanan, Mukim Berakas 'B'.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Juga hadir, Ketua Kampung Kawasan 4, RPN Lambak Kanan, Awang Haji Jumat bin Nasir, Ahli Majlis Perundingan Kampung dan Takmir Masjid serta anak-anak yatim di Kampung Kawasan 4, RPN Lambak Kanan, pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Imam Masjid RPN Lambak Kanan, Awang Haji Abd. Malik bin Haji Jumat.

Turut menyerikan majlis ialah ceramah agama bertajuk "Fadilat dan Ganjaran Bersedekah serta Berbelanja Secara Berhemah di bulan Ramadan" disampaikan oleh Pensyarah Kanan Kunjungan, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Abdul Rauf Amin dan diteruskan dengan bertahlil dan bacaan doa arwah dipimpin oleh imam masjid berkenaan.

Pada majlis itu, penyampaian sumbangan derma kepada 26 anak-anak yatim telah disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis iaitu merupakan hasil kutipan warga Jabatan Penerangan serta keluarga dan orang-orang persendirian.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Program Ramadan Penerangan bagi Daerah Brunei dan Muara berlangsung di Masjid RPN Lambak Kanan, Mukim Berakas 'B'.

Program Ramadan Penerangan di Daerah Temburong

Oleh: Aimi Sani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



PROGRAM Ramadan Penerangan merupakan aktiviti tahunan Jabatan Penerangan yang dilaratkan hingga ke empat-empat daerah sempena bulan Ramadan yang مبارak.

TEMBURONG, Ahad, 26 Jun. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) meneruskan lagi Program Ramadan Penerangan bertempat di Masjid Kampung Batu Apoi, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad. Terdahulu, majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah yang diimamkan oleh Imam Masjid Kampung Batu Apoi, Awang Shamsudin bin Haji Azahari diikuti dengan Ceramah Khas bertajuk 'Fadilat dan Ganjaran Bersedekah serta Berbelanja Secara Berhemah di Bulan Ramadan' disampaikan oleh Pensyarah Kanan Kunjungan, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Andi Aderus Banua Pasiringi.



MAJLIS diteruskan dengan bacaan tahlil dan doa arwah dipimpin oleh Imam Masjid Kampung Batu Apoi, Awang Shamsudin bin Haji Azahari.

Dalam ceramah tersebut, Dr. Haji Andi Aderus Banua Pasiringi antara lain berkata sedekah itu boleh menghapuskan penyakit sedih seseorang tentang masa hadapan dan penyakit sedih yang berpanjangan tentang kehilangan nikmat Allah Subhanahu Wata'ala.

"Kaum wanita yang bangun Subuh di bulan Ramadan ini, bangun memasak untuk suami dan anak-anaknya itu adalah merupakan satu ibadah. Berinfak di jalan Allah," jelasnya. Islam katanya, melarang umatnya daripada membazir dan menggalakkan untuk berbelanja secara berhemah.

Faedah bersedekah ini terangny, akan menjanjikan pahala yang berlipat kali ganda. Majlis kemudiannya diteruskan dengan bertahlil dan bacaan doa arwah dipimpin oleh imam masjid berkenaan diikuti dengan penyampaian sumbangan derma oleh tetamu kehormat kepada seramai 16 orang anak yatim.



PROGRAM Ramadan Penerangan dimulakan dengan sesi Ceramah Khas bertajuk 'Fadilat dan Ganjaran Bersedekah serta Berbelanja Secara Berhemah di Bulan Ramadan' disampaikan oleh Pensyarah Kanan Kunjungan, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Andi Aderus Banua Pasiringi.

Awasi golongan muda dari pengaruh dadah

Oleh: Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor



PROGRAM Awasi Anak Kitani anjuran Jabatan Penerangan dengan kerjasama Biro Kawalan Narkotik diadakan di Madrasah Masjid Setia Ali, Kampung Sabun, Pekan Muara.

SERASA, Rabu, 1 Jun. - Hasil tangkapan yang dibuat oleh Biro Kawalan Narkotik (BKN) mendapati bahawa golongan muda termasuk remaja dan belia merupakan yang banyak terlibat dengan penyalahgunaan dadah di negara ini. Pesalah-pesalah penyalahgunaan dadah itu tahu akan bahayanya kepada kesihatan tapi sikap mereka ingin mencuba itulah yang menjuruskan diri mereka ke kancah kehancuran.

Pegawai Narkotik, Awang Mohd. Shukri bin Haji Asri ketika ditemui berkata para penagih yang ditangkap kebanyakannya mereka adalah mengambil dadah jenis Syabu (Methylamphetamine) dan ganja.

Semasa memberikan taklimat pada Program Awasi Anak Kitani, Awang Mohd. Shukri antara lain menerangkan remaja di bangku sekolah atau mereka yang baru lepas sekolah banyak terlibat dengan penyalahgunaan inhalan iaitu bahan-bahan yang mengkhayalkan.



PAMERAN mengenai penyalahgunaan dadah juga turut diketengahkan.

Pihak BKN menyarankan generasi muda terutama belia untuk mengambil berat akan masalah penyalahgunaan dadah dan menjauhi dari gejala tidak bermoral itu yang bukan sahaja boleh menggugat silaturahim sesama keluarga dan masyarakat malahan memusnahkan masa depan sendiri.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Madrasah Masjid Setia Ali, Kampung Sabun di sini ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Juga hadir Penghulu Mukim Serasa, Mejar (B) Awang Haji Johari bin Haji Abdul Razak serta ketua-ketua kampung di bawah Mukim Serasa dan penduduk sekitarnya.

Program anjuran Jabatan Penerangan melalui Unit Hubungan Masyarakat diharap dapat membuka minda dan menambah pengetahuan ibu bapa serta para belia untuk menjauhi diri dari penggunaan dadah.



TAKLIMAT mengenai penyalahgunaan dadah disampaikan oleh Pegawai Narkotik, Awang Mohd. Shukri bin Haji Asri.

Jaga imej baik, pelihara bendera kebangsaan

Oleh: Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



PEGAWAI Penerangan, Awang Ali Termizzi bin Haji Ramlli/Haji Ramli dari Unit Perhubungan Awam dan Perkhidmatan Media menyampaikan taklimat mengenai program kenegaraan menghayati bendera negara.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Jun. - Penduduk serta masyarakat Negara Brunei Darussalam mempunyai peranan penting dalam sama-sama menjaga imej baik negara termasuk menghargai bendera negara kebangsaan.

Bagi mendidik masyarakat Brunei khususnya generasi muda untuk menghormati dan menghargai Bendera Negara Brunei Darussalam, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan meneruskan lagi Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara' bertempat di Sekolah Menengah Sayidina Husain (SMSH), Jerudong.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Ali Termizzi bin Haji Ramlli/Haji Ramli dari Unit Perhubungan Awam dan Perkhidmatan Media.

Dalam taklimat tersebut, Awang Ali Termizzi antara lain menyentuh mengenai tatacara menaik kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.



ANTARA penuntut perempuan yang menghadiri taklimat berkenaan.

Pada taklimat tersebut para penuntut telah menyaksikan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara' dan video animasi 'Tatacara Mengibarkan Bendera'. Para penuntut juga berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Awang Haji Rahime @Haji Maznibi bin A. Haji Anuar.



SEBAHAGIAN dari penuntut lelaki yang menghadiri taklimat berkenaan.

Serap penghayatan lagu kebangsaan, bendera negara dalam diri pelajar

Oleh: Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



PEGAWAI Penerangan, Awang Haji Dayang bin Haji Kasim semasa menyampaikan taklimat kepada pelajar-pelajar Tahun 8 dari Sekolah Menengah Rimba II.

RIMBA, Rabu, 1 Jun. - Penghayatan dan pemahaman khususnya dalam kalangan para penuntut terhadap lagu kebangsaan dan bendera Negara Brunei Darussalam perlu diserapkan pada diri pelajar sedari awal agar semangat patriotik tidak akan pernah luntur.

Justeru, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan meneruskan Program Taklimat Kenegaraan bagi maktab-maktab dan sekolah menengah kerajaan seluruh negara dari semasa ke semasa.

Lebih 150 pelajar Tahun 8 dari Sekolah Menengah Rimba II hari ini berpeluang mendengarkan taklimat mengenai peranan dan tanggungjawab rakyat dalam menghayati bendera negara dan lagu kebangsaan, berlangsung di perpustakaan sekolah berkenaan.

Pegawai Penerangan, Awang Haji Dayang bin Haji Kasim dalam taklimatnya menjelaskan, bendera itu merupakan sepotong kain sahaja tetapi apabila diangkat tarafnya menjadi bendera negara ia akan menjadi sesuatu yang tinggi nilainya.

Antara objektif Program Taklimat Kenegaraan ini diadakan bagi mengoptimumkan penghayatan dan pemahaman khususnya dalam kalangan para penuntut terhadap lagu kebangsaan dan bendera negara ke arah kesedaran hidup berbangsa, bernegara dan beragama yang berdasarkan falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB).



ANTARA pelajar yang mengikuti kuiz pada sesi taklimat tersebut.



ANTARA pelajar Tahun 8 dari Sekolah Menengah Rimba II yang mendengarkan taklimat tersebut.

Program RRP sasarkan remaja

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin



SETIAUSAHA Kerja, Urusetia Majlis Pelajaran Kebangsaan, Kementerian Pendidikan, Dayang Kamaliah binti Haji Abdul Rahman (dua, kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 2 Jun. - Dalam usaha untuk memupuk semangat kenegaraan dan kesedaran sivik kepada golongan remaja ke arah pembentukan minda dan moral positif, Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan meneruskan lagi Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) ke Sekolah Menengah Menglait Gadong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Setiausaha Kerja, Urusetia Majlis Pelajaran Kebangsaan, Kementerian Pendidikan, Dayang Kamaliah binti Haji Abdul Rahman.



UCAPAN alu-aluan daripada Pengetua Sekolah Menengah Menglait, Awang Mohidin bin Haji Noordin.

Kemudian diikuti dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pengetua Sekolah Menengah Menglait, Awang Mohidin bin Haji Noordin dan seterusnya taklimat kenegaraan daripada Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya serta tayangan video, 'Kibarkanlah Bendera Negara Dengan Megah'.

Acara diserikan lagi dengan Persembahan 'Drama Musical' dan qasidah oleh para penuntut sekolah berkenaan dan turut dimeriahkan dengan kehadiran penyanyi dan pelawak undangan tempatan yang mengendalikan Kuiz Kenegaraan dengan disertai beberapa persembahan lawak jenaka.



PEGAWAI Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya menyampaikan taklimat kenegaraan.



DI ANTARA yang hadir menyaksikan pelajar dari Tahun 8, 9 dan 10.



WARGA Sekolah Menengah Menglait Gadong bersama-sama para pegawai dari Jabatan Penerangan dalam sesi bergambar ramai seurus selepas Program Rakan Remaja (RRP).



PENYAMPAIAN cenderahati kepada tetamu kehormat majlis.

Tetamu kehormat seterusnya dijemput untuk menyampaikan hadiah kepada lima penuntut yang berjaya menjawab kuiz berkenaan, diikuti dengan penyampaian cenderahati kepada tetamu kehormat dan pengetua sekolah tersebut.

Objektif program tersebut adalah untuk mendekati para remaja di sekolah-sekolah supaya mereka peka dengan perkembangan semasa, di samping dapat menanamkan semangat kenegaraan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan para remaja, di samping menjadikan pelajar sebagai ejen dalam penyebaran maklumat yang positif dan berkesan kepada rakan sebaya.

JPM bertadarus di Masjid Kampung Pulaie

Oleh: Aimi Sani
Foto : Hamzah Mohiddin

KAMPUNG PULAIE, Sabtu, 11 Jun. – Majlis-majlis keagamaan di bulan Ramadan khususnya Majlis Bertadarus Al-Quran giat disemarakkan bagi sama-sama mendapatkan ganjaran pahala dan keberkatan yang dijanjikan Allah Subhanahu Wata'ala dalam bulan yang mulia ini.

Sehubungan itu, sempena bulan Ramadan yang مبارk ini, Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya turut mengadakan Majlis Bertadarus bagi tahun 1437 Hijrah bersamaan dengan 2016 Masihi bertempat di Masjid Kampung Pulaie.

Majlis tersebut dikelolakan bersama oleh Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat; Pejabat Peguam Negara; Bahagian Undang-Undang dan Kesejahteraan di Jabatan Perdana Menteri; dan Biro Mencegah Rasuah dengan kerjasama Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Pulaie.

Hadir di majlis tersebut, Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned; Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud; Setiausaha-setiausaha Tetap di JPM, Awang Yahya bin Haji Idris dan Dato Paduka Awang Haji Mohd. Juanda bin Haji A. Rashid.

Juga hadir, Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Yang Arif Dato Seri Setia Awang Haji Md. Zaimi bin Haji Talip dan Yang Arif Pengiran Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Majlis dimulakan dengan penyampaian sumbangan wakaf berupa satu unit mesin fotokopi dan satu unit alat pembersih tekanan tinggi jet air (high pressure water jet cleaner) yang disampaikan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan kepada Imam Masjid Kampung Pulaie dan diteruskan dengan Majlis Bertadarus Al-Quran dari juz 1 hingga juz 15 yang dimulai dengan bacaan Surah Al-Fatihah.

Majlis diikuti dengan bacaan tahlil, doa arwah dan doa selamat serta berbuka puasa sebelum menunaikan Solat Fardu Maghrib Berjemaah.

Dari Masjid Kampung Pulaie, majlis seumpamanya akan diteruskan ke beberapa buah masjid di bulan Ramadan ini dan akan terus disemarakkan bagi sama-sama mendapatkan ganjaran pahala dan keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.



YANG Berhormat Mufti Kerajaan menyampaikan sumbangan wakaf berupa alat pembersih tekanan tinggi jet air kepada Imam Masjid Kampung Pulaie.



ANTARA pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan yang hadir menyertai Majlis Tadarus Jabatan Perdana Menteri, berlangsung di Masjid Kampung Pulaie.



MAJLIS Tadarus Jabatan Perdana Menteri dihadiri oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned; Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud; Setiausaha-setiausaha Tetap di JPM, Awang Yahya bin Haji Idris dan Dato Paduka Awang Haji Mohd. Juanda bin Haji A. Rashid serta pegawai-pegawai kanan JPM.

Pupuk penghayatan lagu kebangsaan dan bendera negara

Oleh: Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Jun. Bendera adalah lambang identiti sesebuah negara dan sesuatu bangsa, lambang kesepakatan, perpaduan sesuatu bangsa yang mempunyai kemuliaan, keagungan dan martabatnya tersendiri yang perlu mendapat pengiktirafan dan penghormatan oleh setiap bangsa dan negara-negara di dunia.

Menyanyikan Lagu Kebangsaan ‘Allah Peliharakan Sultan’ dan menaik-kibarkan bendera Negara Brunei Darussalam adalah pendidikan awal para pelajar ke arah menimbulkan semangat kenegaraan dan kesedaran hidup berbangsa,



PEGAWAI Penerangan, Dayang Noriah binti Haji Abdul Hamid menyampaikan Taklimat Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara Brunei Darussalam.



SEBAHAGIAN daripada penuntut yang hadir pada taklimat tersebut.



ANTARA penuntut yang mengikuti Kuiz Kenegaraan.



PENGETUA Sekolah Menengah SMJA, Awang Haji Juma'ata Sonadey bin Haji Mornie menyampaikan hadiah kepada salah seorang penuntut yang mengikuti Kuiz Kenegaraan.

Ke arah meningkatkan keberkesanan para pelajar memahami dan menghayati mesej di sebalik lagu kebangsaan yang dinyanyikan dan bendera negara yang dinaik-kibarkan itu, Jabatan Penerangan, mengadakan Program Taklimat Kenegaraan iaitu 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara' bertempat di Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam yang telah dihadiri oleh lebih 40 penuntut Tahun 7 hingga 8.

Program tersebut adalah sebagai usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai semangat patriotisme para pelajar untuk menghormati serta menjiwai lagu kebangsaan dan bendera negara.

Tujuan program itu diadakan adalah untuk meningkatkan kefahaman dan untuk menanam semangat patriotik kepada para pelajar mengenai bendera dan lagu kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Taklimat Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara Brunei Darussalam telah disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Noriah binti Haji Abdul Hamid.

Dalam taklimat itu beliau antara lain menjelaskan dengan lebih terperinci mengenai definisi dan tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan'.

Pelajar-pelajar juga berpeluang menyaksikan tayangan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara', di samping diuji dengan menyertai kuiz yang dikendalikan oleh salah seorang pegawai dari jabatan berkenaan.

Raptai Pertandingan Kuiz ASEAN





Tahniah diucapkan kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan atas pengurniaan Pingat Kerja Lama (P.K.L)

**Awang Mohd. Rusli bin Abdullah @ Ganduk
Ampuan Hj. Mahmud bin Ampuan Hj. Tengah
Dayang Hjh. Apsah binti Hj. Sahdan
Awang Bazlan bin Hj. Besar
Awang Suhud bin Hj. Bungsu
Awang Alias bin Hj. Kalong
Ampuan Mohd. Daud bin Ampuan Hj. Tengah
Awang Omarali bin Zakaria**

**Dayang Hjh. Rosidah binti Hj. Ismail
Pengiran Emran bin Pengiran Salleh
Awang Abu Bakar bin Hj. Abd. Rahman**



Tahniah diucapkan kepada Penolong Pegawai Foto Tingkat II, Ampuan Haji Mahmud bin Ampuan Haji Tengah atas pengurniaan Pingat Kerja Lama (P.K.L) yang disampaikan oleh Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).

Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai kursus / bengkel / ceramah pada bulan ini:

Nama	Kursus / Bengkel / Ceramah	Tarikh
Awang Mohd. Adi Zamhari bin Haji Awang Yahya Dayang Ernie Erma binti Haji Salihuddin Dayang Ramlah binti Md. Nor Awang Esa bin Haji Sabli Awang Shari bin Haji Garip Dayang Nurul Qaidah binti Ahmad	Kuliah Awam Bertajuk Ramadhan Jiwa Kerja Eksklusif	02 Jun 2016
Dayang Noriah binti Haji Abdul Hamid Dayang Ezawati Hanim binti Abdullah @ Dayangku Nasibahanim binti Pengiran Haji Bakar Awang Abdul Hadi bin Haji Suhaili	Konsep KKC	04 Jun 2016
Awang Zainuddin bin Muhammad Husseiin Awang Mohd. Rusli bin Abdullah @ Gandok Dayang Hajah Norainah binti Ibrahim Awangku Shah Herman bin Pengiran Bidin Dayang Dede Sutini binti Mazziz @ Hassan	Kuliah Awam Bertajuk Ramadhan Jiwa Kerja Eksklusif	04 Jun 2016
Awang Zainuddin bin Muhammad Husseiin Awang Mohd. Rusli bin Abdullah @ Gandok Dayang Hajah Norainah binti Ibrahim Awangku Shah Herman bin Pengiran Bidin Dayang Dede Sutini binti Mazziz @ Hassan	Kuliah Awam Bertajuk Ramadhan Jiwa Kerja Eksklusif	04 Jun 2016
Awang Azman bin Haji Abdul Rahim	Kursus Pengurusan Bilik Berita	05 - 07 Jun 2012
Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaihi Awang Ali Termizzi bin Haji Ramlii / Haji Ramli	Handling Interviews and Press Conference	08 - 09 Jun 2016
Awang Musa bin Mohidin	Mentoring In The Workplace	13 - 14 Jun 2016
Dayang Nur Zahirah bin Haji Osman	Coorporate Communication	14 - 16 Jun 2016
Dayang Hajah Rabi'atul Adawiyah binti Haji A. Ahmad Dayang Hajah Hamsah bin Datu Kerna Haji Jaya Awang Ali Termizzi bin Haji Ramlii / Haji Ramli Awang Mohammad Rainie bin Haji Durani Awang Mohamad Azmi bin Awang Damit Awang Abdul Karim bin Hamdan Awang Mohammad Hisyam bin Idris Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris Awang Ishak bin Haji Othman Awang Haji Roslan bin Haji Mohd. Daud Dayang Sabriah binti Awang Puasa Awang Mohammad Armie bin Haji Untong Awang Haji Mirazman bin Haji Othman	Taklimat Pembangunan Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan	14 Jun 2016
Awang Hamzah bin Mohidin Dayang Hajah Apsah binti Haji Shadan / Shadan Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaihi Awang Wahid bin Haji Halim Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad Awang Mohammad Nurakram bin Bahrin Awang Abdul Hadi bin Haji Suhaili Awang Khairul Shaharim bin Haji Abdul Ghafor Dayang Nurul Hafilah binti Ali Rahman Dayang Siti Muslihat binti Haji Salleh Dayang Norliah binti Md. Zain Dayang Zawiyatun Ni'mah binti Mohammad Akir Awang Abdullah bin Asgar @ Askar Awang Abu Bakar bin Haji Abd. Rahman Awang Masri bin Osman	Taklimat Pembangunan Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan	15 Jun 2016

Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai kursus / bengkel / ceramah pada bulan ini:

Nama	Kursus / Bengkel / Ceramah	Tarikh
Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaihi Dayang Hajah Rabi'atul Adawiyah binti Haji A. Ahmad Dayang Noriah binti Haji Abdul Hamid Dayang Hajah Zabaidah binti Haji Salat Awang Mohammad Rainie bin Haji Durani Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad Awang Arzi bin Haji Durhman Dayang Nurul Hafilah binti Ali Rahman Dayang Sabriah binti Awang Puasa Awang Mohammad Armie bin Haji Untong	Demo Produk GN4 dari MILES-33	16 Jun 2016
Dayang Hezlinawati binti Haji Abdul Karim Dayang Hajah Siti Zuraihah binti Awang Sulaiman Awangku Syi'aruddin bin Pengiran Daudin	Taklimat Pembangunan Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan	18 Jun 2016
Awang Aliahmad bin Awang Ache Awang Haji Rahime @ Haji Maznibi A. Haji Anuar Pengiran Emran bin Pengiran Haji Salleh Awang Ah Chua bin Bangau Awang Mohd. Adi Zamhari bin Haji Awang Yahya Dayang Dona Azfina binti Ibrahim Awang Mohammad Khaiddir Shah bin Haji Abdul Halim Dayang Ernie Erma binti Haji Salihuddin Dayang Aimi binti Sani Dayang Nurul Hazwani binti Abu Omar Dayang Faridah binti Haji Kaderi @ Bujang	Talimat Pembangunan Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan	20 Jun 2016
Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar Awang Rafa'ee bin Ya'akub Awang Esa bin Haji Sabli Awang Abdullah bin Sabang Awang Shari bin Haji Garip Awang Mohd. Rusli bin Abdullah @ Gandok Awang Kamal Abdul Nasir bin Majin Awang Ismale bin Abdul Rahman Dayang Siti Mazfaizura binti Maikal Dayang Khairuneeza binti Abdullah Awang Anang Idris bin Haji Ramli	Taklimat Pembangunan Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan	21 Jun 2016
Dayang Nur Zahirah bin Haji Osman Dayangku Nur Azhani @ Dayangku Mas Ayu binti Pengiran Dr. Hidop Dayang Ramlah binti Md. Nor Awang Haji Ramlee bin Haji Moktar Awang Zainuddin bin Muhammad Husseiin Dayang Norhanim binti Haji Tundak Pengiran Arsul bin Pengiran Haji Abdul Momin Awang Haji Mahmud Hafidzie bin Haji Awang Ali Mashod Dayangku Nur Effa Ryina binti Pengiran Haji Hamdani Dayang Jorrani binti Haji Zainal Dayang Siti Norasilah binti Awang Asli Awang Rahmat Shukurilah bin Harith / Mirah Awang Muhammad Hidayatullah bin Zahari Awang Haji Abd. Azim bin Haji Tujoh Dayang Jurainah binti Jahit / Jait Dayang Sylvina Hon Zae Leena Dayang Nurul Qaidah binti Ahmad Awang Mohammad Mahdi bin Haji Marsidi Dayang Arme Suziley Santilah binti Mohd Eriffin Awang Haji Musa bin Haji Md. Yassin Dayangku Hajah Siti Mewartee binti Pengiran Haji Kahar Dayang Hajah Norainah binti Ibrahim Awangku Shah Herman bin Pengiran Bidin Dayang Dede Sutini binti Mazziz @ Hassan Dayang Timah binti OKB Haji Ali Awang Haji Raya bin Haji Md. Tapa Awang Haji Morni bin Haji Metali Awang Haji Jafrey bin Haji Mohd Hanafiah Awang Yahya bin Haji Jumat Awang Haji Liman bin Haji Rahim Dayang Hajah Sabariah binti Haji Drahman Dayang Masnah binti Haji Md. Tamin Dayang Marliana binti Haji Jamal Dayang Hajah Rohayah binti Haji Awang Japar Dayang Juliana binti Mindas	Taklimat Pembangunan Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan	22 Jun 2016

Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai kursus / bengkel / ceramah pada bulan ini:

Nama	Kursus / Bengkel / Ceramah	Tarikh
Awang Haji Dayang bin Haji Kasim Awang Mohammad Asbillah bin Haji Pudin Pengiran Amirul Nizam bin Pengiran Haji Mohd. Ali Dayang Azmah binti Haji Ahad	Taklimat Pembangunan Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan	25 Jun 2016
Awang Arzi bin Haji Durhman Dayangku Siti Redzaimi binti Pengiran Haji Ahmad Awang Mohammad Sahrizal bin Haji Said Awang Haji Salleh bin Haji Ibrahim Awang Ya'akop bin Haji Mat Yasin	Taklimat Pembangunan Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan	27 Jun 2016

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih
di atas sumbangan bakti, jasa, sepanjang berkhidmat
di Jabatan Penerangan. Selamat bersara kepada:




Hj. Mohd. Hassan bin Hj. Ismail
Pegawai Penerangan
Tarikh tamat perkhidmatan :
15 Jun 2016

Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:

<http://www.penerangan.gov.bn>
<http://www.information.gov.bn>
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

Media Sosial Penerangan:



Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



infodept.bn



infodept_bn

**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.
Tel : 2383400 Faks : 2382242**